**MENENGAH 3 EXP/NA**

**LATIHAN PEPERIKSAAN 5**

**KERTAS 1**

| | |
|---|---|
| **Tarikh:** | **Masa: 2 jam** |

| Jenis Soalan-soalan | | Markah Penuh | Isi | Bahasa | Markah Yang diperolehi |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian A** | **Penulisan Fungsional** (Pilih **satu** soalan sahaja daripada Bahagian A) | 20 | 10 | 10 | |
| **Bahagian B** | **Penulisan Esei** (Pilih **satu** soalan sahaja daripada Bahagian B) | 40 | 20 | 20 | |

**PERHATIAN:** Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' atau 'O', ada perbezaan dalam komponen **Penulisan Fungsional dan Esei (Bahagian A dan B)**.

**Bahagian A Penulisan Fungsional**

Peringkat '**N**': tidak kurang daripada **100** patah perkataan

Peringkat '**O**': tidak kurang daripada **120** patah perkataan

**Bahagian B Penulisan Esei**

Peringkat '**N**': tidak kurang daripada **200** patah perkataan

Peringkat '**O**': tidak kurang daripada **240** patah perkataan

Index No. [ ][ ][ ][ ][ ] – [ ]

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

**BMS3EN/1**

**SECONDARY 3 EXP/NA**
**SPECIMEN PAPER 5**

# BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

# MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

**Total Time: 2 h**

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.

AKAR Education

This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B.**

**BAHAGIAN A (20 markah)**

**Arahan:** Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada **100 atau 120*** patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

Kepada: StacyJumari@gmail.com

Daripada: AkimMizlan@pintar.com

Subjek: Membantu Ibu

Tarikh: 13 Jun 2019

Stacy,

Awak tentu hairan dengan saya sering tidak hadir ke sekolah sejak kebelakangan ini. Sebenarnya, ibu saya telah diberhentikan kerja kira-kira sebulan yang lalu. Sebagai ibu tunggal, dia satu-satunya sumber kami mendapatkan sesuap nasi.

Sejak ibu saya dibuang kerja, saya terpaksa bekerja sambilan untuk menampung kos yuran sekolah adik-adik. Ibu saya masih berusaha mencari pekerjaan baru tetapi pasaran pekerjaan kini agak malap. Saya amat risau kerana telah banyak ketinggalan pelajaran. Apa yang harus saya lakukan?

Saya harap awak boleh berikan beberapa cadangan yang boleh diambil oleh keluarga saya untuk menangani masa kesempitan ini.

Sampai di sini e-mel saya. Sehingga bertemu lagi.

Yang ikhlas

Akim

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

   Kamu seorang peminat tegar saluran radio Era. Baru-baru ini, kamu telah mendengar tentang program skuad serbu sekolah di mana para penyampai radio mengunjungi sekolah untuk berinteraksi dan memberi peluang kepada pelajar berjinak-jinak sebagai seorang penyampai. Kamu ingin pihak Era mengunjungi sekolah kamu.

   Tulis e-mel kepada penerbit saluran radio tersebut untuk mengundang skuad Era ke sekolah kamu. Berikan sebab-sebab mengapa mereka harus memilih sekolah kamu serta kegiatan-kegiatan yang kamu ingin mereka anjurkan di sekolah kamu.

   <u>Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:</u>

   Alamat pengirim: Hudzaifah@pintar.com <u>atau</u>
   Hazirah@pintar.com

   Alamat penerima: JohanJaafar@era.com.sg

**BAHAGIAN B (40 markah)**

**Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada **<u>200 atau 240*</u>** patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan kemahuan untuk memulakan kehidupan yang baharu.

4. Semasa kamu sekeluarga bercuti ke Indonesia, satu bencana alam telah terjadi. Kamu dan keluarga bernasib baik kerana terselamat daripada bencana tersebut. Gambarkan pengalaman kamu itu.

5. Merancang masa depan adalah sesuatu yang penting. Bincangkan.

**SELESAI**